



Anwar melancarkan Majlis Perasmian Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa Tahun 2023 sambil diperhatikan Ahmad, Dr Zaliha dan Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

# Kerajaan cari kaedah terbaik 'jaga' pesara

## Tindakan diperinci selepas mahkamah batal pindaan akta pencen

hazwanfaisal@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan sedang memperhalusi mekanisme terbaik untuk melindungi pesara, susulan keputusan Mahkamah Persekutuan baru-baru ini yang membatalkan pindaan kepada undang-undang pencen, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang mengusahakan sesuatu bagi menangani isu berkenaan.

"Kita akan uruskan, kerajaan menghormati keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan.

"Kita mempunyai mekanisme untuk melindungi pesara. Perinciannya akan diumumkan nanti, ia sedang diusahakan buat masa ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa Ke-10 2023 (ISWC 2023) dan melancarkan aplikasi i-Akaun KWSP di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa dan Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Mahkamah Persekutuan pada 26 Jun lalu memutuskan pindaan terhadap Seksyen 3 dan 7 Akta Pelarasan Pencen (Pindaan) 2013 kurang memberi manfaat kepada

pesara perkhidmatan awam, justeru mengisytiharkannya sebagai terbatal dan tidak sah.

Panel lima Hakim Mahkamah Persekutuan sebulat suara turut memutuskan peruntukan berkenaan yang membenarkan kenaikan kadar rata sebanyak dua peratus setiap tahun, bercanggah Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan (perlindungan hak pencen) berbanding Akta Pelarasan Pencen 1980 sebelum ini.

Sehubungan itu, panel yang dipengerusikan Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Abang Iskandar Abang Hashim menolak rayuan kerajaan dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang mengisytiharkan pindaan terbabit sebagai terbatal dan tidak sah.

Turut bersidang, Hakim Besar Malaya, Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah; Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Tan Sri Abdul Rahman Sebli; dan Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Seri Hasnah Mohammed Hashim dan Datuk Rhodzhariah Bujang.

Mohamad Zabidin ketika membacakan penghakiman panel itu, berkata Mahkamah Rayuan membuat keputusan betul dalam mengekalkan status quo Seksyen 3 dan 6 iaitu sebelum pindaan 2013.

Katanya, pindaan yang dibuat pada Seksyen 3 dan 7 akta itu menyebabkan Aminah Ahmad selaku responden yang juga pesara penjawat awam di Kementerian Luar, mengalami situasi yang kurang memberi manfaat terhadapnya.

"Kami mendapati tiada sebab untuk menyimpang daripada

penghakiman Mahkamah Rayuan, oleh itu kami mendapati tiada merit dalam rayuan kerajaan dan Ketua Pengarah JPA dan dengan ini rayuan ditolak.

"Mahkamah tidak membuat perintah mengenai kos kerana ini adalah litigasi kepentingan awam," katanya.

Aminah, memfailkan saman terhadap kerajaan pada 2017 di atas kapasiti peribadinya dan bagi pihak 56 pesara perkhidmatan awam, mendakwa pindaan kepada Akta Penyelarasan Pencen menyebabkan keadaan yang agak merugikan kepada beliau berbanding dengan skim pelarasan persaraan sebelum ini di bawah Akta Pelarasan Pencen 1980.

Di bawah skim lama, pencen pesara disemak berdasarkan gaji lazim penjawat awam dalam gred berkenaan, namun pindaan 2013 yang diperkenalkan berdasarkan kadar rata dua peratus kenaikan tahunan.

Pada 13 Januari 2022, Mahkamah Rayuan membuat keputusan memihak Aminah dan mengisytiharkan pindaan Seksyen 3 dan 7 Akta Pelarasan Pencen (Pindaan) 2013 yang berkuat kuasa mulai Januari 2013 adalah terbatal dan tidak sah kerana melanggar Perkara 147, Perlembagaan Persekutuan.

Susulan keputusan itu CUEPACS mencadangkan kenaikan pencen pesara kerajaan dua peratus setiap tahun kekal sehingga kerajaan melaksanakan pelarasan gaji baharu penjawat awam.

Presiden CUEPACS, Datuk Adnan Mat, juga memohon kerajaan tidak menuntut atau menuntut balik bayaran kenaikan pencen dua peratus itu yang dilaksanakan sejak 10 tahun lalu.